

SPKS BERI KEMAHIRAN PADA GRADUAN TANGANI MASALAH SOSIAL



itu program ini bertujuan mewujudkan suatu dampak profesional yang peka kepada keperluan dalam masyarakat dan berusaha mencapai kualiti kehidupan yang dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat; dan melengkapkan kepakaran dalam menjalankan perkhidmatan dan penyelidikan yang akan membantu dalam pembentukan dasar dan perancangan sosial.

PROSPEK KERJAYA

1. Psikologi Industri dan Organisasi (HA13)
 - Pegawai Sumber Manusia
 - Perunding Sumber Manusia
 - Pegawai Personel
 - Pegawai Psikologi
 - Ahli Akademik
 - Pegawai Penyelidik
 - Pegawai Tadbir
2. Pembangunan Belia dan Komuniti (HA16)
 - Pegawai Belia dan Sukan
 - Pegawai Institusi Pemulihan dan Pengawasan
 - Pegawai Kebajikan Masyarakat
 - Ahli Akademik
 - Pegawai Penyelidik Sosial
 - Pegawai Pembangunan Masyarakat
 - Pegawai Psikologi
 - Pegawai Tadbir
3. Psikologi Kaunseling (HA19)
 - Pegawai Penyelidik
 - Kaunselor
 - Pegawai Rundingcara
 - Pegawai Psikologi
 - Pegawai Pemulihan
 - Ahli Akademik
4. Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga (HA20)
 - Perunding Keluarga
 - Penyelidik
 - Ahli Akademik
 - Penjawat Awam
 - Perunding Kanak-Kanak
 - Pegawai kebajikan kanak kanak dan keluarga
 - Terapis kanak kanak dan keluarga
5. Kerja Sosial (HA52)
 - Pekerja Sosial
 - Pegawai Pembangunan Masyarakat
 - Pengurusan Perkhidmatan Sosial
 - Ahli Akademik
 - Pentadbir Institusi Kebajikan/Pemulihan/Rawatan
 - Pegawai Pelindung/Pemulihan
 - Pegawai Penyelidik Sosial
 - Penjawat Awam

Di bawah disertakan bilangan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang akan bergraduat :

PRASISWAZAH

| PROGRAM | JUMLAH |
|---|------------|
| Psikologi Industri dan Organisasi (HA13) | 69 |
| Pembangunan Belia dan Komuniti (HA16) | 55 |
| Psikologi Kaunseling (HA19) | 78 |
| Psikologi Kanak-kanak dan Keluarga (HA20) | 63 |
| Kerja Sosial (HA52) | 44 |
| Jumlah | 309 |

PASCASISWAZAH

| PROGRAM | JUMLAH |
|----------------------|-----------|
| PhD | 1 |
| Sarjana Penyelidikan | 3 |
| Sarjana Kerja Kursus | 15 |
| SPADA | 5 |
| Jumlah | 24 |

Untuk maklumat lanjut, SPKS boleh dihubungi melalui: Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) Universiti Malaysia Sabah

Aktiviti Penyelidikan Yang dijalankan

Sekolah psikologi dan kerja sosial terlibat dalam banyak aktiviti penyelidikan antaranya ialah dalam isu kesihatan mental, buang bayi, kanak-kanak, dadah, kreativiti, masalah sosial pelajar dan sebagainya.

dan pengurusan stres, dinamika kumpulan, komunikasi sesama insan, masalah kesatuan sekerja, kepimpinan dan pengaruh, prejudis dan diskriminasi dalam organisasi dan juga rekabentuk dan pengembangan organisasi.

Pembangunan Belia dan Komuniti

Program ini melihat perkembangan belia dari aspek kognitif, sosial, emosi, moral dan fizikal dengan menggunakan pelbagai orientasi teoritikal. Hasil-hasil kajian akan dikemukakan untuk menunjukkan bagaimana maklumat asas proses-proses perkembangan mempunyai implikasi kepada masalah-masalah belia dewasa ini dalam konteks komuniti, teori serta pendekatan dalam pembangunan sosial dan komuniti. Program ini juga akan membincangkan perancangan, perlaksanaan serta penilaian program-program pembangunan belia dan komuniti Psikologi Kaunseling

Program ini menawarkan kursus-kursus yang memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar mengenai profesion kaunseling yang merangkumi teori, teknik dan proses kaunseling di semua peringkat umur yang menghadapi cabaran personal, sosial dan kerjaya. Aspek-aspek utama program ini meliputi falsafah kaunseling, konflik dan penyelesaian konflik yang berpunca daripada ketegangan diri dan masalah sosio ekonomi dan budaya, etika dalam profesion menolong, teknik kaunseling dan psikoterapi, kaunseling individu dan kelompok. Program ini juga menyentuh kaunseling dan terapi keluarga, kaunseling industri serta pengenalan kepada kecelaruan psikologi bagi membantu menangani cabaran individu, kumpulan, keluarga dan masyarakat membangun yang berhadapan dengan kepelbagaian masalah dan gejala sosial.

Psikologi Kanak-Kanak dan Keluarga

Program ini menawarkan kursus-kursus yang memberi pengetahuan mengenai kanak-kanak dan keluarga. Kanak-kanak dan keluarga digabungkan dalam program ini kerana perkembangan kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh keluarga dan persekitarannya. Fokus utama program ini adalah perkembangan bayi dan kanak-kanak, asuhan kanak-kanak dalam berbagai budaya, perkahwinan dan keluarga, keibubapaan, kanak-kanak dalam keluarga bermasalah serta analisis kepada ibubapa yang mempunyai kanak-kanak kurang upaya. Program ini juga menawarkan kursus yang menaksir dan menilai perkembangan fizikal dan kognitif kanak-kanak serta beberapa teknik terapeutic untuk membantu kanak-kanak yang bermasalah dari segi fizikal, kogniti dan sosial.

Kerja Sosial

Program Kerja Sosial secara umum bertujuan untuk menyediakan bakal-bakal pekerja sosial profesional yang berdedikasi, berinovasi serta mempunyai perspektif yang menyeluruh terhadap fahaman masyarakat serta isu dan masalahnya. Ia juga bertujuan meninggikan pengetahuan, kemahiran tentang proses menolong dan perancangan dalam intervensi kerja sosial. Selain

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial kini dilihat sangat relevan dengan peredaran globalisasi khususnya dalam menyediakan sumber tenaga kerja yang mahir dan profesional bagi memenuhi cabaran negara untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang kian meningkat. Pembangunan pesat yang melanda di seluruh negara turut membawa bersama kepada peningkatan masalah sosial yang harus diberi perhatian dan dibendung agar tidak berlanjutan. Dalam hal ini, perancang, pentadbir dan perawat yang memahami tingkahlaku dan naluri manusia yang terlatih dan mahir amat diperlukan. Oleh yang demikian, satu pendekatan baharu yang multidisiplin dalam usaha menghasilkan graduan-graduan yang berwibawa dan cekap serta mahir mengendalikan masalah kemanusiaan, diintegrasikan dalam program pengajian Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial.

Pendekatan baru yang diwujudkan di bawah program pengajian Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial ini menggabungkan disiplin psikologi, kerja sosial dan juga kaunseling yang lebih berfokus kepada pencegahan dan penyelesaian masalah dan memberi kemahiran pada graduan untuk menangani masalah sosial. Kesemuanya ini saling melengkapi antara satu sama lain yang dapat menghasilkan para graduan yang mahir dan berketrampilan sebagai perancang, pentadbir, penyelidik dan juga perawat masalah sosial.

Matlamat Sekolah

I. Menghasilkan ahli-ahli psikologi yang terlatih dan layak sebagai pentadbir masyarakat, perawat sosial dan tugas lain untuk kesejahteraan masyarakat.

II. Mengeluarkan graduan yang diiktiraf oleh profesion psikologi, kaunseling dan kerja sosial

III. Memberi kebebasan kreativiti di kalangan pelajar dan tenaga akademik melalui kajian-kajian kes dan projek penyelidikan dalam bidang psikologi, pembangunan masyarakat dan kaunseling sesuai dengan keadaan dan tuntutan masyarakat tempatan.

IV. Mengekal keunggulan dan menjadikan UMS sebagai institusi utama dalam pendidikan, latihan dan penyelidikan dalam bidang psikologi, pembangunan masyarakat dan kaunseling.

Program Pengajian

Psikologi Industri dan Organisasi

Program ini memperkenalkan pelajar dan melatih mereka dalam ilmu psikologi khususnya yang menyentuh sektor industri dan permasalahan yang berhubung dengan perlakuan organisasi. Antara perkara yang ditangani adalah kepuasan kerja